



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM
45300 SUNGAI BESAR

MEMO

Rujukan Kami : PDSB/KP/01/0002 Jld.4 (S3)

Tarikh : 05 Disember 2018

Tajuk	ARAHAN PENGGUNAAN FRASA "SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN DI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERKUATKUASA SERTA MERTA	
Daripada	KPPD (Khidmat Pengurusan)	Salinan : Tuan Pegawai Daerah KPPD(Tanah) KPPD(Pembangunan) PPT (KP) 1 Fail Timbul
Kepada	Semua Pegawai dan Kakitangan PDTSB	

Tuan / Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pemakaian penggantian frasa "Saya Yang Menurut Perintah" dengan frasa "**Saya Yang Menjalankan Amanah**" dalam urusan penyediaan surat kerajaan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berkuatkuasa mulai 20 September 2018, berdasarkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 35/2018 pada 09 November 2018 (Kertas ringkasan MMK.No. 11/35/2018).

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dipohon supaya wajib menggunakan frasa "**Saya Yang Menjalankan Amanah**" berkuatkuasa serta merta.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian,

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI)